

# Calon 'bidan terjun' sukar diterima

## — Tsu Koon

UM - 2 FEB 2003

PULAU PINANG 1 Feb. — Calon 'bidan terjun' sukar untuk diterima oleh masyarakat setempat sekiranya tidak mempunyai rekod perkhidmatan yang baik, kata Ketua Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon.

Menurut beliau, walaupun calon bagi sesuatu kawasan pilihan raya itu anak tempatan sedangkan tidak dikenali, ia juga menjadi punca ditolak oleh masyarakat setempat.

Katanya, yang penting dalam pemilihan calon pilihan raya ialah rekod perkhidmatan bukannya anak negeri atau tempatan.

"Kalau bukan anak negeri tetapi sudah lama berkhidmat di negeri ini pun boleh menjadi calon kerana ia sudah dikenali di kalangan masyarakat setempat.

"Tetapi menjadi masalah sekiranya anak tempatan dipilih menjadi calon sedangkan ia tidak dikenali oleh orang ramai di tempatnya," katanya.

Beliau mengulas kenya-

taan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang mengakui agak sukar untuk meletakkan calon bukan anak tempatan di sesuatu kawasan pilihan raya kerana sikap kenegerian atau kedaerahan yang menebal.

Pulau Pinang menurut Tsu Koon mempunyai beberapa contoh calon pilihan raya bukan di kalangan anak tempatan tetapi merupakan 'orang luar' dan mampu berkhidmat dengan baik.

"Setiausaha politik saya (Teng Chang Yeow) Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota pernah menewaskan Karpal Singh pada pilihan raya umum tahun 1995.

"Dia (Chang Yeow) bukan anak negeri ini tetapi anak kelahiran Johor berkahwin dengan anak Pulau Pinang dan telah berkhidmat lebih 10 tahun di sini,"katanya.